

Kad PRVI Miles UOB Terma dan Syarat

Berkuatkuasa 1 September 2022

Am

Terma dan syarat ini ("Terma dan Syarat") akan digunakan untuk Kad PRVI Miles UOB yang dikeluarkan oleh United Overseas Bank (Malaysia) Bhd (No. Pendaftaran Syarikat 199301017069 (271809-K)) ("UOB Malaysia") kepada Ahli Kad PRVI Miles UOB ("Ahli Kad").

Terma dan Syarat ini perlu dibaca bersama dengan Perjanjian Ahli Kad VISA/MASTERCARD UOB ("Perjanjian Ahli Kad").

Untuk mengelakkan keraguan, "Ahli Kad" bermakna kedua-dua Ahli Kad utama dan tambahan yang mempunyai Kad PRVI Miles UOB.

Kecuali ditakrif secara berbeza dalam Terma dan Syarat ini, perkataan dan ungkapan yang digunakan di dalam Terma dan Syarat ini akan mempunyai makna yang sama seperti di dalam Perjanjian Ahli Kad.

UOB Malaysia berhak untuk menentukan semua perkara berhubung dengan ganjaran dan/atau penggunaan sebarang atau semua manfaat dan keistimewaan yang dinyatakan di bawah dan keputusan UOB Malaysia adalah muktamad dan akan mengikat Ahli Kad. Manfaat dan keistimewaan yang diuraikan di bawah boleh dipinda, ditambah atau ditarik balik oleh UOB Malaysia pada bila-bila masa dengan memberikan notis terlebih dahulu.

Pindaan pada Terma dan Syarat:

Klausa berikut telah dipinda dan Terma dan Syarat baharu akan berkuat kuasa mulai 1 September 2022:

- i) Klausa 1 (d), 1 (e) dan 3 di bawah Program Ganjaran Kad PRVI Miles UOB dalam Terma dan Syarat yang telah dipinda, dinyatakan berikut:

Klausa	Perihal Perubahan
Klausa 1 (d) (i)	Klausa dipinda dari "Ahli Kad yang menggunakan Kad PRVI Miles UOB sebagai kad kredit GrabPay akan layak menerima diskaun RM5 untuk setiap transaksi GrabFood dan Grab Ride dengan kod promo seperti yang dinyatakan dalam Jadual B di bawah" kepada "Ahli Kad yang menggunakan Kad PRVI Miles UOB sebagai kad kredit GrabPay akan layak menerima diskaun 50% untuk setiap transaksi Grab Ride ("Rides") dengan kod baucar seperti yang dinyatakan dalam Jadual B di bawah"
Klausa 1 (d) (ii)	Klausa berikutnya dipadamkan: "Jika transaksi adalah kurang daripada jumlah diskaun maksimum, perbezaan dalam transaksi tidak akan dibayar balik. Jika transaksi adalah lebih daripada jumlah diskaun, jumlah transaksi tambahan akan dikenakan. Untuk mengelakkan keraguan, jumlah transaksi tambahan yang dikenakan akan layak mendapat 1x UNIRM"
Klausa 1 (d) (iii)	Klausa dipinda dari: "Sejumlah maksimum dua ribu (2,000) penebusan setiap bulan kalendar untuk GrabFood dan Grab Ride masing-masing, yang akan disediakan pada dasar tiba dahulu layan dahulu" kepada "Penebusan kod baucar Rides adalah dihadkan kepada seribu (1,000) unit setiap bulan kalendar pada dasar tiba dahulu layan dahulu"
Klausa 1 (e)	Tambahan klausa baharu untuk memperkenalkan "Diskaun 50% KLIA Grab Rides"

Klausa 3	“Diskaun RM5 untuk GrabFood dan Grab Ride” dikemas kini kepada “Diskaun 50% untuk Grab Ride dan KLIA Grab Ride”
----------	---

Program Ganjaran Kad PRVI Miles UOB

1. Berikut adalah ganjaran yang akan diberikan di bawah Program Ganjaran Kad PRVI Miles UOB (“Program Ganjaran”):

(a) 5X UNIRinggit untuk Perbelanjaan Luar Negara, Syarikat Penerbangan, Hotel dan Agensi Pelancongan (“5X UNIRM”)

i. Ahli Kad akan layak mendapat 5X UNIRM untuk setiap RM1.00 yang dibelanjakan di luar negara, untuk syarikat penerbangan, hotel dan agensi pelancongan (“Perbelanjaan yang Layak”) dalam mana-mana kategori perbelanjaan yang dinyatakan dalam Jadual A di bawah (“Kategori Perbelanjaan yang Layak”):

Jadual A:

Kategori Perbelanjaan yang Layak	Kod Kategori Peniaga (“MCC”) / Kod Mata Wang	Huraian Perbelanjaan yang Layak	Maksimum UNIRM bagi setiap Ahli Kad setiap kitaran penyata
Syarikat Penerbangan	3000-3298 4511	Syarikat Penerbangan, Pengangkut Udara	5X UNIRM yang diberikan adalah terhadap kepada gabungan jumlah Perbelanjaan yang Layak sebanyak RM5,000 di bawah kategori Syarikat Penerbangan, Hotel dan Agensi Pelancongan.
Hotel	3501-3999 7011	Penginapan – Hotel, Motel, Resort Penginapan – Perkhidmatan Tempahan Pusat (Tidak Dikelaskan di tempat lain)	
	7012	Kongsi Masa (<i>Timeshare</i>)	
Agensi Pelancongan	4722	Agensi Pelancongan dan Pengendali Pelancongan	Setiap RM1.00 berikutnya yang dibelanjakan melebihi jumlah Perbelanjaan yang Layak tersebut akan mendapat 1X UNIRM.
Perbelanjaan Luar Negara	Semua kod mata wang asing selain RM	Sebarang pembayaran (termasuk transaksi dalam talian) yang dilakukan dalam mata wang selain Ringgit Malaysia (RM)	Tiada had

Contoh A:

Ahli Kad utama membelanjakan RM2,000 untuk hotel dan RM6,000 untuk tiket penerbangan pada Januari 2022, oleh itu, jumlah perbelanjaan ialah RM8,000.

Ahli Kad utama akan mendapat ganjaran:

$$[RM5,000 \text{ (had maksimum)} \times 5 \text{ UNIRM}] + [RM3,000 \text{ (RM8,000 - RM5,000)} \times 1 \text{ UNIRM}] = 28,000 \text{ UNIRM}$$

Contoh B:

Ahli Kad utama membelanjakan RM2,000 untuk hotel dan manakala Ahli Kad Tambahan membelanjakan RM8,000 untuk tiket penerbangan pada Januari 2022, oleh itu, jumlah perbelanjaan ialah RM10,000.

Ahli Kad utama akan mendapat ganjaran:

$$[\text{RM}5,000 \text{ (had maksimum)} \times 5 \text{ UNIRM}] + [\text{RM}5,000 \text{ (RM}10,000 - \text{RM}5,000) \times 1 \text{ UNIRM}] = 30,000 \text{ UNIRM}$$

- ii. Penentuan sama ada UNIRM maksimum yang diberikan untuk Perbelanjaan yang Layak telah dipenuhi akan berdasarkan pada tarikh caj tersebut diproses oleh UOB Malaysia dan didebitkan ke akaun kad Ahli Kad utama dan bukan tarikh transaksi Perbelanjaan yang Layak dilakukan oleh Ahli Kad utama atau tambahan.
- iii. Perbelanjaan yang Layak mesti dinyatakan dalam sistem kad kredit yang dikekalkan oleh UOB Malaysia supaya layak mendapat 5X UNIRM.
- iv. Perbelanjaan yang Layak yang dilakukan oleh Ahli Kad tambahan akan digabungkan dengan Perbelanjaan yang Layak Ahli Kad utama. Untuk mengelakkan keraguan, UNIRM hanya akan dikreditkan ke dalam akaun kad kredit Ahli Kad utama dalam tempoh dua (2) bulan dari bulan caj diproses oleh UOB Malaysia dan didebitkan kepada akaun kad kredit Ahli Kad.
- v. Jumlah UNIRM yang diperolehi setiap bulan akan ditunjukkan dalam Penyata Akaun bulanan Ahli Kad utama. Sekiranya sistem yang menyokong proses automatik ini tidak tersedia, UNIRM yang diperolehi akan dipenuhi secara manual dan ditunjukkan dalam Penyata Akaun Ahli Kad utama pada bulan berikutnya.

(b) 1X UNIRinggit untuk Perbelanjaan Lain (“UNIRM”)

- i. Ahli Kad akan layak mendapat 1X UNIRM untuk sebarang perbelanjaan lain yang tidak disenaraikan dalam Kategori Perbelanjaan yang Layak dalam Jadual A di atas kecuali bagi perkara yang dinyatakan dalam Klausa 1(b)(ii) di bawah.
- ii. Transaksi berikut akan dikecualikan daripada menerima sebarang 1X UNIRM:
 - a. Pemindahan Baki;
 - b. Pelan Pembayaran *Easi*;
 - c. Pelan Pembayaran Ansuran Bebas Faedah 0%;
 - d. Pelan *Flexi-Credit*;
 - e. Transaksi yang dipulangkan, dipertikaikan, tidak sah atau ditipu;
 - f. Pengeluaran tunai;
 - g. Alimoni dan kos sara hidup kanak-kanak;
 - h. Denda oleh Mahkamah, kerajaan, pihak berkuasa Negeri atau pihak berkuasa tempatan;
 - i. Pembayaran jaminan atau bon;
 - j. Pembayaran kepada mana-mana jabatan kerajaan;
 - k. Transaksi petrol;
 - l. Transaksi pengangkutan;
 - m. Transaksi JomPay;
 - n. Transaksi tambah nilai (*top-up*);
 - o. Perkhidmatan kewangan;
 - p. Bil utiliti;
 - q. Pertubuhan kebajikan; dan
 - r. Pembayaran fi keahlian kad tahunan, bayaran faedah, fi bayaran lewat, caj untuk pengeluaran tunai, cukai dan apa-apa bentuk fi perkhidmatan atau pelbagai lain yang menggunakan Kad PRVI Miles UOB.

- iii. UNIRM yang dikumpulkan oleh Ahli Kad utama dan tambahan akan dikreditkan kepada akaun kad Ahli Kad utama dalam tempoh dua (2) bulan dari bulan caj diproses oleh UOB Malaysia dan didebitkan kepada akaun kad kredit Ahli Kad.
- iv. Jumlah UNIRM yang diperolehi setiap bulan akan ditunjukkan dalam Penyata Akaun bulanan Ahli Kad utama. Sekiranya sistem yang menyokong proses automatik ini tidak tersedia, UNIRM yang diperolehi akan dipenuhi secara manual dan ditunjukkan dalam Penyata Akaun Ahli Kad utama pada bulan berikutnya.

(c) Tambahan 2,000 UNIRinggit (“Bonus UNIRM”)

- i. Ahli Kad akan layak mendapat Bonus UNIRM tertakluk kepada kriteria di bawah:
 - a. Menjalankan sekurang-kurangnya tiga (3) transaksi runcit setiap bulan kalendar gabungan Kad Ahli utama dan tambahan dalam mana-mana Kategori Perbelanjaan yang Layak, tidak termasuk kategori perbelanjaan yang dinyatakan dalam Klausula 1.c.ii di bawah (“Jumlah Bilangan Transaksi”); dan
 - b. Setiap transaksi runcit tidak boleh kurang daripada Sepuluh Ringgit Malaysia (RM10).
- ii. Kategori perbelanjaan berikut akan dikecualikan daripada Jumlah Bilangan Transaksi:
 - a. Pemindahan Baki;
 - b. Pelan Pembayaran *Easi*;
 - c. Pelan Pembayaran Ansuran Bebas Faedah 0%;
 - d. Pelan *Flexi-Credit*;
 - e. Transaksi yang dipulangkan, dipertikaikan, tidak sah atau ditipu;
 - f. Pengeluaran tunai;
 - g. Alimoni dan kos sara hidup kanak-kanak; dan
 - h. Pembayaran fi keahlian kad tahunan, bayaran faedah, fi bayaran lewat, caj untuk pengeluaran tunai, cukai dan apa-apa bentuk fi perkhidmatan atau pelbagai lain yang menggunakan Kad PRVI Miles UOB.
- iii. Bonus UNIRM dihadkan kepada Dua Ribu (2,000) UNIRM setiap Ahli Kad untuk setiap bulan kalendar dan pembayaran maksimum sebanyak Dua Belas Juta (12,000,000) UNIRM setiap bulan kalendar, pada dasar tiba dahulu layan dahulu. UOB Malaysia tidak mempunyai sebarang tanggungjawab untuk memaklumkan Ahli Kad sekiranya pembayaran Bonus UNIRM telah mencapai had pembayaran maksimum.
- iv. Penentuan sama ada Jumlah Bilangan Transaksi telah dipenuhi akan berdasarkan pada tarikh caj tersebut diproses oleh UOB Malaysia dan didebitkan ke akaun kad kredit Ahli Kad dan bukan tarikh transaksi yang dilakukan oleh Ahli Kad utama atau tambahan.
- v. Bonus UNIRM akan dikreditkan kepada akaun kad Ahli Kad utama dalam tempoh dua (2) bulan dari bulan caj diproses oleh UOB Malaysia dan didebitkan kepada akaun kad kredit Ahli Kad.
- vi. Bonus UNIRM yang diperolehi setiap bulan akan ditunjukkan dalam Penyata Akaun bulanan Ahli Kad utama. Sekiranya sistem yang menyokong proses automatik ini tidak tersedia, UNIRM yang diperolehi akan dipenuhi secara manual dan ditunjukkan dalam Penyata Akaun Ahli Kad utama pada bulan berikutnya.

(d) Diskaun 50% Grab Ride

- i. Ahli Kad yang menggunakan Kad PRVI Miles UOB sebagai kad kredit GrabPay akan layak menerima diskaun 50% untuk transaksi Grab Ride (“Rides”) dengan kod baucar seperti yang dinyatakan dalam Jadual B di bawah:

Jadual B

Kod Baucar	Huraian	Had
PRVIRIDE	Diskaun 50% untuk transaksi Grab Ride	Dihadkan kepada diskaun RM10 untuk setiap transaksi Grab Ride dan sah untuk maksimum empat (4) penebusan setiap Ahli Kad setiap bulan kalendar

- ii. Penebusan kod baucar Rides adalah dihadkan kepada seribu (1,000) unit setiap bulan kalendar pada dasar tiba dahulu layan dahulu.
- iii. Diskaun tidak boleh digunakan untuk tempahan awal dan tidak termasuk bayaran tol.
- iv. Diskaun Grab Ride adalah disediakan oleh GrabCar Sdn. Bhd semata-mata. UOB Malaysia tidak bertanggungjawab untuk sebarang tindakan, peninggalan, keingkaran atau kerosakan dalam perkhidmatan yang ditawarkan oleh Penyedia Perkhidmatan. UOB Malaysia bukan agen untuk Penyedia Perkhidmatan. Sebarang pertikaian mengenai kualiti atau standard perkhidmatan mesti diselesaikan secara langsung dengan Penyedia Perkhidmatan. UOB Malaysia tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang kecederaan, kerugian atau ganti rugi yang dialami akibat penebusan atau penggunaan perkhidmatan yang disediakan oleh Penyedia Perkhidmatan. UOB Malaysia tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa kejadian tidak dijangka seperti kelewatan, kesesakan lalu lintas yang tidak dijangka, bencana alam atau apa-apa peristiwa yang akan menjejaskan operasi perniagaan lazim GrabCar Sdn. Bhd.
- v. Diskaun ini juga tertakluk kepada terma dan syarat lain GrabCar Sdn. Bhd di www.grab.com/my.

(e) Diskaun 50% KLIA Grab Ride

- i. Ahli Kad yang menggunakan Kad PRVI Miles UOB sebagai kad kredit GrabPay akan layak menerima diskaun 50% untuk transaksi KLIA Grab Ride ("KLIA Rides") dengan kod baucar seperti yang dinyatakan dalam Jadual C di bawah:

Jadual C

Kod Baucar	Huraian	Had
PRVIKLIA	Diskaun 50% untuk transaksi KLIA Grab Ride	Dihadkan kepada diskaun RM33 untuk setiap transaksi KLIA Grab Ride dan sah untuk maksimum satu (1) penebusan setiap Ahli Kad setiap bulan kalendar

- ii. Tempoh penebusan untuk KLIA Rides adalah dari 1 September 2022 hingga 31 Disember 2022.
- iii. Penebusan kod baucar KLIA Rides adalah dihadkan kepada lima ratus (500) unit setiap bulan kalendar pada dasar tiba dahulu layan dahulu.
- iv. Penebusan kod baucar KLIA Rides adalah terpakai untuk tempahan dari dan ke *Kuala Lumpur International Airport* ("KLIA") atau *Kuala Lumpur International Airport 2* ("KLIA 2") di Lembah Klang sahaja.
- v. Diskaun tidak boleh digunakan untuk tempahan awal dan tidak termasuk bayaran tol.

- vi. Diskaun KLIA Rides adalah disediakan oleh GrabCar Sdn. Bhd semata-mata. UOB Malaysia tidak bertanggungjawab untuk sebarang tindakan, peninggalan, keingkaran atau kerosakan dalam perkhidmatan yang ditawarkan oleh Penyedia Perkhidmatan. UOB Malaysia bukan agen untuk Penyedia Perkhidmatan. Sebarang pertikaian mengenai kualiti atau standard perkhidmatan mesti diselesaikan secara langsung dengan Penyedia Perkhidmatan. UOB Malaysia tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang kecederaan, kerugian atau ganti rugi yang dialami akibat penebusan atau penggunaan perkhidmatan yang disediakan oleh Penyedia Perkhidmatan. UOB Malaysia tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa kejadian tidak dijangka seperti kelewatan, kesesakan lalu lintas yang tidak dijangka, bencana alam atau apa-apa peristiwa yang akan menjejaskan operasi perniagaan lazim GrabCar Sdn. Bhd.
 - vii. Diskaun ini juga tertakluk kepada terma dan syarat lain GrabCar Sdn. Bhd di www.grab.com/my.
2. Pada waktu pengkreditan ganjaran di bawah Program Ganjaran, akaun kad Ahli Kad mestilah sah, semasa, wujud dan dalam kedudukan kredit yang baik sebagaimana yang ditentukan oleh UOB Malaysia. Ahli Kad tidak layak menerima sebarang ganjaran seperti yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat ini jika mana-mana yang berikut berlaku:
 - (a) Sebarang pembatalan Kad PRVI Miles UOB;
 - (b) Sebarang penukaran daripada Kad PRVI Miles UOB kepada mana-mana Kad Kredit UOB lain;
 - (c) Akaun kad PRVI Miles menjadi tertunggak sebagaimana yang ditentukan oleh UOB Malaysia; atau
 - (d) Pelanggaran sebarang Terma dan Syarat ini serta terma dan syarat dalam Perjanjian Ahli Kad.
 3. Tanpa menjejaskan keluasan makna yang dinyatakan sebelum ini, sekiranya ganjaran diberikan kepada dan diterima oleh seorang individu yang telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang tindakan penipuan atau kesalahan berhubung dengan penggunaan Kad PRVI Miles UOB mereka dan/atau sebarang transaksi yang dilakukan dengan menggunakan Kad PRVI Miles UOB mereka, UOB Malaysia berhak untuk membatalkan penyertaan individu tersebut daripada memperoleh atau menggunakan UNIRinggit dan diskaun 50% untuk Grab Ride dan KLIA Grab Ride.
 4. UNIRM tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak lain dan tidak boleh ditukar untuk barangan lain atau tunai.
 5. UNIRM yang diperoleh oleh Ahli Kad utama dan tambahan tidak mempunyai nilai wang.

Terma dan Syarat Am

6. Dengan menyertai Program Ganjaran, Ahli Kad bersetuju untuk diikat oleh Terma dan Syarat ini dan juga terma dan syarat dalam Perjanjian Ahli Kad termasuk sebarang pindaan dan/atau perubahan kepadanya. Sekiranya terdapat percanggahan antara Terma dan Syarat ini dan Perjanjian Ahli Kad, Terma dan Syarat ini akan dikekalkan.
7. Ahli Kad hendaklah mendapatkan penjelasan daripada wakil sah UOB Malaysia jika terdapat sebarang terma dan syarat yang tidak difahami oleh Ahli Kad.
8. Rekod transaksi yang dikekalkan oleh UOB Malaysia dan keputusan UOB Malaysia dalam semua perkara berhubung dengan Program Ganjaran adalah muktamad, konklusif dan akan mengikat Ahli Kad. UOB Malaysia tidak bertanggungjawab untuk memberi sebarang sebab atau melayan sebarang surat-menyurat dengan seseorang ataupun mana-mana pihak mengenai sebarang perkara mengenai Program Ganjaran. Sebarang rayuan dan/atau surat-menyurat daripada mana-mana Ahli Kad atau mana-mana pihak ketiga tidak akan dilayan.

9. UOB Malaysia tidak akan bertanggungjawab untuk apa-apa kegagalan atau kelewatan dalam penghantaran transaksi jualan oleh Visa International Incorporated, MasterCard Worldwide, syarikat peniaga, pihak berkuasa pos atau telekomunikasi atau mana-mana pihak yang mungkin menyebabkan Ahli Kad tidak layak mendapat ganjaran di bawah Program Ganjaran.
10. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang dan kecuali disebabkan oleh kecuaiian atau salah laku sengaja UOB Malaysia, UOB Malaysia dengan jelasnya mengecualikan dan menafikan sebarang perwakilan, jaminan atau pengendorsan, secara nyata atau tersirat, bertulis atau lisan, tanpa had kepada apa-apa yang tercetak dalam mana-mana media massa, bahan pemasaran atau pengiklanan, termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang jaminan kualiti, kebolehdagangan atau kesesuaian untuk sesuatu tujuan tertentu.
11. UOB Malaysia tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang salah nyata atau salah tafsir fakta oleh mana-mana pihak ketiga yang tidak dibenarkan berhubung dengan Program Ganjaran yang ditawarkan dan diterbitkan dalam mana-mana media massa, bahan pemasaran atau pengiklanan.
12. UOB Malaysia tidak akan bertanggungjawab dan tidak akan menanggung sebarang liabiliti dalam apa-apa bentuk dan bagaimana sekalipun timbul atau dialami oleh Ahli Kad dan/atau mana-mana pihak ketiga yang diakibatkan secara langsung atau tidak langsung daripada Program Ganjaran ini kecuali jika ia disebabkan oleh kecuaiian atau salah laku sengaja oleh UOB Malaysia yang berkaitan khususnya dengan Program Ganjaran.
13. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara Terma dan Syarat ini dan sebarang pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan lain berkaitan dengan atau berhubung dengan Program Ganjaran, Terma dan Syarat ini akan dikekalkan.
14. UOB Malaysia berhak untuk menambah, mengeluarkan, menggantung dan/atau mengubah Terma dan Syarat Program Ganjaran, dari semasa ke semasa, secara keseluruhan atau sebahagian, dengan memberikan notis dua puluh satu (21) hari terlebih dahulu kepada Ahli Kad melalui paparan pada laman web UOB Malaysia, penampilan notis di mana-mana cawangan UOB Malaysia, kenyataan yang dimasukkan ke dalam Penyata Akaun atau apa-apa cara lain yang mungkin ditentukan oleh UOB Malaysia dari semasa ke semasa.
15. UOB Malaysia berhak untuk membatalkan, menarik balik, menggantung, melanjutkan atau menamatkan Program Ganjaran, secara keseluruhan atau sebahagian, pada bila-bila masa dengan memberikan notis sepanjang dua puluh satu (21) hari terlebih dahulu kepada Ahli Kad. Untuk mengelakkan keraguan, sebarang pembatalan, penarikan balik, penggantungan, pelanjutan atau penamatan Program Ganjaran oleh UOB Malaysia tidak memberi hak kepada Ahli Kad untuk melakukan sebarang tuntutan atau pampasan terhadap UOB Malaysia untuk sebarang dan semua kerugian atau ganti rugi yang ditanggung atau dialami oleh Ahli Kad, sama ada diakibatkan secara langsung atau tidak langsung daripada pembatalan, penarikan balik, penggantungan, pelanjutan atau penamatan sedemikian.
16. Ahli Kad layak untuk ikut serta dalam Program Ganjaran dengan syarat Ahli Kad tidak mungkir pada mana-mana terma dan syarat Perjanjian Ahli Kad.
17. Terma dan Syarat ini akan ditadbir oleh dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Ahli Kad bersetuju menyerahkan kepada bidang kuasa tidak eksklusif mahkamah Malaysia.

-TAMAT-